



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 1/1996**

**Memberhentikan Amalan-amalan Membuat Penyelesaian,  
Memulangkan Permintaan Ukur Untuk Tujuan Pungutan Bayaran  
Ukur Tambahan Dan Memohon Borang-borang Hakmilik Selepas  
Tanah Selesai Di Ukur Dalam Proses Penyediaan Hakmilik Tetap**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



## **Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/1996**

**Memberhentikan Amalan-amalan Membuat Penyelesaian, Memulangkan Permintaan Ukur Untuk Tujuan Pungutan Bayaran Ukur Tambahan Dan Memohon Borang-borang Hakmilik Selepas Tanah Selesai Di Ukur Dalam Proses Penyediaan Hakmilik Tetap**

### **1. Tujuan**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan menasihatkan semua Pentadbir Tanah mengenai pemberhentian amalan-amalan membuat penyelesaian, memulangkan permintaan ukur untuk tujuan pungutan bayaran ukur tambahan dan memohon borang-borang hakmilik selepas tanah selesai diukur dalam proses penyediaan hakmilik tetap.

### **2. Latar Belakang**

- 2.1. Pada masa sekarang, penyelesaian (*settlement*) merupakan sebahagian dan proses pengukuran tanah. Apabila tanah siap diukur oleh Jabatan Ukur, surihan petempatan dihantar oleh Pengarah Ukur Negeri kepada Pentadbir Tanah yang seterusnya mengarahkan Pegawai Petempatan supaya menunjukkan kepada tuan punya sempadan-sempadan tanahnya. Surihan petempatan yang mana penyelesaian telah disempurnakan kemudiannya dikembalikan kepada Pengarah Ukur Negeri.
- 2.2. Bagi tanah yang pengukurannya dijalankan oleh juruukur tanah berlesen, tindakan penyelesaian yang dibuat oleh Pentadbir Tanah adalah dilaksanakan oleh juruukur tanah berlesen.
- 2.3. Tiga faktor utama yang menyebabkan hakmilik tetap tidak boleh didaftarkan adalah seperti berikut:-
  - 2.3.1. Surihan petempatan tidak dikembalikan ke Jabatan Ukur kerana penyelesaian tidak dilaksanakan;
  - 2.3.2. Masalah mengembalikan permintaan ukur kepada Jabatan Ukur apabila bayaran ukur tambahan (jika ada) tidak dapat dipungut; dan
  - 2.3.3. Permohonan borang hakmilik tidak dihantar ke Jabatan Ukur oleh Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik.

### **3. Amalan-amalan Baru Yang Diperakukan**

- 3.1. Untuk mempercepatkan pendaftaran hakmilik tetap, amalan-amalan membuat penyelesaian, memulangkan permintaan ukur dan memohon borang-borang hakmilik selepas tanah selesai diukur hendaklah diberhentikan,
- 3.2. Secara ringkas, amalan-amalan baru bagi tanah yang diukur oleh Pengarah Ukur Negeri adalah seperti berikut:-
  - 3.2.1. Pentadbir Tanah menghantar permintaan ukur kepada Pengarah Ukur Negeri dengan menggunakan Borang Permintaan Ukur seperti di **Lampiran 'A'**;
  - 3.2.2. Pengarah Ukur Negeri mengukur tanah dan menghantar kepada Pentadbir Tanah salinan pelan akui, surihan alih, borang hakmilik tetap dengan

menggunakan Borang Pengesahan Pengarah Ukur seperti di **Lampiran 'B'**; dan

3.2.3. Pendaftar Hakmilik /Pentadbir Tanah mendaftarkan hakmilik tetap.

3.3. Bagi tanah yang diukur oleh juruukur tanah berlesen pula, ringkasan amalan-amalan baru adalah seperti berikut:-

3.3.1. Pentadbir Tanah memaklumkan kepada juruukur tanah berlesen mengenai butir-butir keputusan Pihak Berkuasa Melulus dengan salinan kepada Pengarah Ukur Negeri. Walau bagaimanapun, seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 181(1)(ca) Kanun Tanah Negara permintaan ukur perlu juga dihantar oleh Pentadbir Tanah kepada Pengarah Ukur Negeri bagi kes pemberimilikan tanah;

3.3.2. Juruukur tanah berlesen mengukur tanah dan mengemukakan hasil kerja ukur kepada Pengarah Ukur Negeri;

3.3.3. Pengarah Ukur Negeri menyemak pelan-pelan yang dikemukakan oleh juruukur tanah berlesen;

3.3.4. Pengarah Ukur Negeri menandatangani pelan akui yang dikemukakan oleh juruukur tanah berlesen dan menghantar kepada Pentadbir Tanah salinan pelan akui, surihan alih dan borang hakmilik tetap dengan menggunakan Borang Pengesahan Pengarah Ukur seperti di **LAMPIRAN 'B'**; dan

3.3.5. Pendaftar Hakmilik/Pentadbir Tanah mendaftarkan hakmilik tetap.

3.4. Dengan pemberhentian amalan-amalan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1 di atas, dokumen-dokumen yang perlu dihantar oleh Pengarah Ukur Negeri kepada Pentadbir Tanah ialah salinan pelan akui, surihan alih, borang hakmilik tetap melalui Borang Pengesahan Pengarah Ukur. Kenyataan mengenal bayaran ukur sebenar serta bayaran ukur tambahan yang perlu dijelaskan atau bayaran ukur yang akan dipulang balik perlu dibuat dalam borang ini. Bayaran ukur tambahan (jika ada) akan dipungut oleh Pentadbir Tanah sebelum mengeluarkan hakmilik tetap. Menurut seksyen 190(1)(c) dan seksyen 191(b) Kanun Tanah Negara, adalah menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah untuk memungut segala amaun yang terkurang dikutip sebelum hakmilik tetap dikeluarkan.

#### **4. Pemakaian**

4.1. Semua arahan mengenai perkara-perkara di atas yang wujud dalam mana-mana Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang bertentangan dengan arahan-arahan dalam Pekeliling ini adalah tidak perlu dipatuhi lagi.

#### **5. Pembatalan**


5.1. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 28/1976 bertajuk "Penyelesaian Sempadan-sempadan Selepas Selesai Ukur Muktamad" adalah dengan ini dibatalkan.

#### **6. Persetujuan Pengarah-pengarah Tanah Dan Galian, Jabatan Peguam Negara Dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia**

6.1. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

**7. Tarikh Kuatkuasa**

7.1. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dan tarikh ia dikeluarkan.



**(DATO' WAN ABDUL WAHID BIN HJ. WAN HASSAN)**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

No. Fail: KTPK/101/KPU/356-3 Jld.3

Tarikh: 16 September 1996

**BORANG  
PERMINTAAN UKUR**

Ruj. Pejabat Tanah ..... Negeri .....  
Ruj. Pejabat Ukur ..... No. Permintaan Ukur .....

**PENGARAH UKUR**

Melalui

JURUUKUR DAERAH .....

Sila ukur tanah yang bertanda merah dalam pelan \*di sebelah/berkembar untuk:

- \*(a) Pemberimilikan Tanah Kerajaan/Pajakan Lombong
  - \*(b) Pecah Sempadan/Pecah Bahagian Bangunan/Pecah Bahagian Tanah
  - \*(c) Penyatuan Tanah ..... \*dan terus dipecah .....
  - \*(d) Penyerahan sebahagian dan lot-lot .....
  - \*(e) Penyerahan lot-lot ..... dan berimilik semula bahagian-bahagian .....
  - \*(f) Pengambilan sebahagian dan lot-lot .....
  - \*(g) Ukuran semula lot-lot .....
  - \*(h) \*Mengganti tanda sempadan yang hilang/membetulkan tempat tanda-tanda sempadan.
2. Suratan-suratan hakmilik yang dikehendaki untuk dikeluarkan ialah:
- \*(a) Geran (Borang 5B) bagi .....
  - \*(b) Pajakan Negeri (Borang 5C) bagi .....
  - \*(c) \*Geran Mukim (Borang 5D) .....
  - \*(d) Pajakan Mukim (Borang 5E) bagi .....
  - \*(e) Pajakan Lombong didahului oleh Perakuan Lombong bagi .....
  - \*(f) Hakmilik Strata bagi .....
3. Suratan-suratan Hakmilik bagi lot-lot ..... \*akan/telah dimansuhkan.
4. Bayaran-bayaran ukur:-
- \*(a) Dikecualikan penuh oleh .....  
di bawah perenggan ..... Perintah Kanun Tanah Negara  
(Bayaran Ukur) 1965 (Rujukan .....) )
  - \*(b) Dikecualikan setakat RM ..... oleh .....  
di bawah perenggan ..... Perintah Kanun Tanah Negara  
(Bayaran Ukur) 1965 ( Rujukan : ..... )
  - \*(c) Bayaran ukur sebanyak RM ..... telah dibayar (No. Resit .....  
bertarikh: ..... ) dan telah dimasukkan kepada Hasil Persekutuan.
5. Nama dan alamat pemohon .....  
..... Poskod .....

6. Daerah ..... Mukim/Bandar/Pekan .....
7. Anggaran keluasan/isipadu .....
8. Kegunaan Tanah: \*Pertanian/Bangunan/Industri/Perlombongan/.....  
(sila nyatakan)
9. Dokumen-dokumen Hakmilik Sementara telah dikeluarkan dan butir-butirnya ialah  
.....

Tarikh: .....

.....  
Pentadbir Tanah  
Daerah .....

**PELAN**

Daerah.....

\*Mukim/Bandar/Pekan..... Skil .....

No. Syit Kadaster .....

No. Buku Kerja Luar Pegawai Petempatan ..... Muka surat .....

Bering, jarak dan keluasan hendaklah ditunjukkan dalam rajah di bawah ini:



(\* Potong mana yang tidak berkenaan.)

**BORANG PENGESAHAN PENGARAH UKUR**

Ruj. Pejabat Tanah ..... Negeri .....

Ruj. Pejabat Ukur ..... No. Permintaan Ukur .....

PENTADBIR TANAH,

DAERAH .....

1. Tanah berkenaan telah diukur dan bersama-sama ini disertakan:
  - (a) Salinan Pelan Akui No. .... dan Surihan Alih;
  - (b) Borang dokumen hakmilik bagi lot ..... ( ..... pasang).

2. Butir-butir bayaran ukur adalah seperti berikut:

No. Lot ..... No. Pelan Akui .....

Luas/isipadu ..... \*Hektar/Meter Persegi/Meter Padu

\*\* Bayaran Ukur RM .....

\*\* Tanda Sempadan RM .....

Borang Hakmilik RM .....

Jumlah RM .....

Jumlah \*bayaran ukur tambahan untuk dipungut/bayaran ukur untuk  
dipulang balik RM .....

Tarikh: ..... .....

Pengarah Ukur

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

(\*\* Potong jika kerja ukur dibuat oleh juruukur tanah berlesen)